



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

2 DISEMBER 2025 (SELASA)

DUN Sarawak: Pacu Inovasi dalam Pemeliharaan Biodiversiti

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	Berita Sarawak	Dalam Talian	1 Dis



Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak, Dato Sri Roland Sagah Wee Inn ketika menyampaikan ucapan di DUN Sarawak hari ini.

KUCHING, 1 Dis: Sarawak terus memacu inovasi dalam pemeliharaan biodiversiti melalui pengkomersialan pengetahuan tradisional yang disokong penyelidikan saintifik.

Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak, Dato Sri Roland Sagah Wee Inn berkata, pada 4 November 2025, Sarawak menyaksikan pertukaran Perjanjian Perkongsian Manfaat (BSA) keempat dengan lima komuniti Iban bagi tanaman Engkerebai

yang secara tradisional digunakan sebagai pewarna merah untuk Pua Kumbu, kini diaplikasikan secara moden dalam kosmetik sebagai krim pencerah kulit.

“BSA ini bersama pelancaran ‘Trove Borneo’ pada 19 November 2025 yang mengkomersialkan minyak pati tempatan dengan sebuah syarikat Singapura, menunjukkan bagaimana dokumentasi pengetahuan tradisional oleh SBC dan pengesahan melalui penyelidikan saintifik mampu

membuka industri baharu di Sarawak,” katanya ketika menyampaikan ucapan penggulungan bagi kementeriannya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak hari ini.

Beliau menambah, Memorandum Persefahaman (MOU) terbaru mengenai tanaman Sipudun dimeterai antara SBC dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk menguji kegunaan tumbuhan tempatan sebagai rawatan anti-cacing bagi ternakan ruminan.

“Pendekatan ini menawarkan penyelesaian tempatan dan semula jadi kepada ubat kimia sedia ada, selaras dengan cabaran global terhadap rintangan antibiotik pada parasit ternakan,” ujarnya.

Roland berkata, peranan BioVerde Technologies Sdn Bhd (BVT) yang ditubuhkan oleh Majlis Biodiversiti Sarawak awal tahun ini bagi memacu pengkomersialan penemuan saintifik dan memastikan rantai nilai lestari daripada biodiversiti Sarawak memberi manfaat ekonomi yang nyata kepada komuniti tempatan.-TVS

Usahawan Itik Jana Hasil Jualan Hampir RM2 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Malaysia	Dalam Talian	1 Dis



Azwan menunjukkan telur itik bagi dijual di Kampung Kayu Ara, Mambau. - Gambar Bernama

SEREMBAN: Ketika kebanyakan anak muda mengejar peluang dalam bidang digital dan teknologi, seorang bekas pembantu tadbir di sebuah sekolah memilih untuk membina empayar penternakan itik telur dan daging, yang kini menjadi antara pengeluar utama di Negeri Sembilan.

Berkat kesungguhan serta strategi pemasaran yang tersusun, Azwan Zainudin kini mampu meraih peningkatan hasil jualan kepada hampir RM2 juta

tahun ini, hasil pengeluaran telur segar, telur masin dan itik daging yang dipasarkan di Negeri Sembilan dan Selangor.

Azwan, 35, yang pada awalnya menternak 100 ekor itik pada 2020, kini menguruskan kira-kira 1,000 ekor itik penelur jenis Khaki Campbell di ladang berkeluasan 1.15 hektar di Kampung Kayu Ara, Mambau di bawah operasi Azwan Farm.

"Saya bermula dengan

sekadar hobi. Saya pernah buka gerai makanan di tepi jalan di Rasah sebelum mengusahakan sebuah kafe dan restoran namun kerana COVID-19, perniagaan itu terpaksa ditutup. Ketika itu saya mula memikirkan hala tuju baharu yang lebih stabil.

"Keputusan memilih penternakan itik ini selepas melihat potensi permintaan berterusan terhadap telur segar, selain ruang pasaran yang luas serta penjagaan haiwan itu lebih senang. Arwah bapa saya dahulu juga ada membela itik, jadi sudah biasa dengan hal berkaitannya," katanya kepada Bernama.

Anak bongsu daripada empat beradik itu berkata pada peringkat awal, beliau membiayai kos pembelian itik, makanan dan pembinaan reban menggunakan wang sendiri selain bekerja sambilan sebagai pemandu peribadi bagi menyokong operasi ladang ternakannya.

"Enam bulan pertama adalah paling sukar kerana menunggu itik mula bertelur, ditambah pula ketika musim COVID-19 banyak restoran tidak beroperasi. Saya cuba menjual telur segar kepada peniaga bahan asas tetapi permintaan tidak tinggi," katanya.

Bagi mengelakkan kerugian, anak kelahiran Seremban itu mengambil inisiatif memproses sebahagian telur itu menjadi telur masin menggunakan kaedah jeruk air garam yang lebih tahan lama dan mudah dipasarkan.

Azwan tidak menafikan sokongan kerajaan negeri dan agensi berkaitan turut memainkan peranan penting dalam mengukuhkan perniagaannya, selain turut menerima geran daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dan Tabung Usahawan Negeri Sembilan pada 2023 serta pinjaman daripada bank.

"Saya juga turut menerima bantuan mesin membasuh telur serta bekalan dedak daripada Jabatan Veterinar negeri, selain mereka juga turut membuat pemeriksaan terhadap ternakan setahun sekali," katanya yang turut dibantu dua pekerja sambilan.

Di sebalik kejayaan dikecapi, Azwan mengakui pernah berdepan cabaran besar termasuk kerugian kira-kira RM40,000 apabila ladangnya dimasuki babi, sekali gus merosakkan struktur reban hingga menjejaskan pengeluaran telur dan memaksanya menghentikan operasi selama dua bulan pada 2022.

Selain itik penelur, Azwan turut mengusahakan ladang itik pedaging di Jelevu sejak awal tahun ini, dengan pengeluaran mencapai 3,000 ekor sebulan yang dibekalkan kepada restoran-rantaian terkenal termasuk di Kuala Lumpur, kilang, pasar serta masyarakat setempat.

Beliau berkata telur itik dijual pada harga RM30 bagi 30 biji dan daging itik pada harga RM25 bagi 1.5 kilogram, dengan ia turut dipasarkan melalui platform dalam talian termasuk Shopee dan TikTok yang membolehkan pelanggan daripada pelbagai lokasi membuat pesanan.

Kecekalan dan pencapaian Azwan turut melayakkannya menerima beberapa pengiktirafan termasuk Ikon Usahawan Kotej Halal Negeri Sembilan 2023 selain anugerah kategori Pengembangan Perniagaan daripada Agrobank, bulan lepas.

Ditanya perancangan masa depan, beliau berharap dapat memperluas pasaran ke seluruh negara selain merancang untuk membangunkan ladang agropelancongan sekali gus membolehkan orang ramai datang dan berinteraksi dengan itik secara langsung.

Bagi golongan muda yang ingin menceburi bidang

sama, Azwan menasihati mereka supaya melengkapkan diri dengan ilmu serta mempunyai minat mendalam selain membuat kajian tentang lokasi ladang yang sesuai.

"Mereka juga perlu berani mencuba, walaupun pada awalnya mungkin menghadapi cabaran besar. Jangan takut gagal kerana setiap kegagalan adalah pengalaman berharga," katanya yang turut memberi kelas penjagaan itik kepada individu berminat.-

[ASTROAWANI](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR